

ORIGINAL ARTICLE



MJSSH
Muallim Journal of
Social Science and Humanities

ANALISIS STRUKTUR LUARAN BAHASA KE ATAS HAIKU NA.PATCHAIBALAN

ANALYSE PHYSICAL STRUCTURE ON HAIKU NA.PATCHAIBALAN

K. Demaisuria¹

K. Muniisvaran²

¹Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia / Faculty of Languages and Communication Human Sciences, Sultan Idris Education University, Malaysia.
Email: darshini.dem1990@gmail.com

²Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia / Faculty of Languages and Communication Human Sciences, Sultan Idris Education University, Malaysia.
Email: muniisvaran@fbk.upsi.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/28>

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji struktur luaran bahasa dalam haiku karya Na.Patchaibalan bagi mengenalpasti struktur sebenar haiku dan cara penghasilan yang betul. Kajian ini dapat menjawab persoalan tentang struktur bahasa yang digunakan untuk menghasilkan haiku yang sempurna. Struktur yang dikaji merangkumi empat aspek utama iaitu bentuk haiku, penggunaan kata, suku kata, dan jenis yang digunakan oleh penyair. Kajian ini dijalankan menggunakan mod kualitatif dan dihurai secara deskriptif. Maklumat dan data diperolehi dengan kaedah kajian kepustakaan dibuat dengan mencari bahan-bahan rujukan di Dewan Bahasa dan Pustaka, internet, serta perpustakaan beberapa institut pengajian tinggi awam. Kaedah kepustakaan digunakan secara menyeluruh dalam kajian ini. Penelitian terhadap struktur luaran bahasa haiku Na.Patchaibalan memberi satu gambaran yang menyeluruh tentang struktur luaran haiku dengan teliti. Bentuk haiku yang mempunyai tiga baris pendek dengan pola suku kata yang tidak terikat dengan Haiku asal jepun telah dianalisis menggunakan kesemua haiku Na.Patchaibalan. Penelitian ini akan menjadi rujukan kepada penulis-penulis yang minat menulis haiku Tamil pada masa akan datang.

Kata kunci : Analisis, struktur bahasa, haiku, Na.Patchaibalan

Abstract

This study is about the physical structure of the language in the haiku of Na.Patchaibalan to identify the actual structure of haiku and the correct way of production. This study can answer questions about the structure of the language used to produce the perfect haiku. The studied structure covers four main aspects of haiku, the use of words, syllables, and types used by poets. The study was conducted using qualitative mods and descriptively descriptive. Information and data obtained through the library research method were made by looking for reference materials at Dewan Bahasa dan Pustaka, via online, as well as libraries of several public institutions of higher learning. The literature method is used extensively in this study. Research on the physical structure of the haiku language. Patchaibalan gives a comprehensive picture of the physical structure of the haiku carefully. Haiku forms that have three short lines with syllable patterns that are not tied to Japanese Haiku originals have been analyzed using all of Haiku Na.Patchaibalan. This study will be a reference to writers who are interested in writing Tamil haiku in the future.

Key words: analyse, physical structure, language, haiku, Na.Patchaibalan.

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 2nd May 2019, revised 18th May 2019, accepted 12th June 2019

Pengenalan

Bahasa merupakan sistem lambang bunyi suara yang digunakan sebagai alat perhubungan dalam sesuatu kelompok manusia untuk mengekspresi perasaan dan fikiran (Kamus Dewan Bahasa, 2010)¹. Identiti sesuatu bangsa dinilai daripada keteraturan dan keunikan bahasa bangsa itu. Simbol atau tanda, misalnya melalui kata dan gerakan juga boleh dikatakan sebagai bahasa untuk manusia berkomunikasi antara satu sama lain. Bahasa telah mula berkembang secara semula jadi dengan teratur dan pelbagai bentuk yang berkaitan dengan perubahan persekitarannya. Kenyataan ini dibuktikan dalam pandangan Chomsky (1968)² iaitu otak manusia diprogram secara semula jadi untuk membolehkan ia bertutur dan memahami bahasa sama seperti keupayaan berjalan. Beliau juga menegaskan bahawa seseorang menganalisa bahasa yang mereka dengar dan lihat, membolehkan mereka membentuk satu struktur bahasa yang betul (Chomsky, 1968)².

Bahasa yang digunakan oleh manusia secara teraturnya digunakan dalam penulisan bagi mengekspresi luahan hati. Luahan hati itu berkembang dari segi kreativitinya untuk menunjukkan keunikan bahasa itu sendiri. Sebagaimana sesuatu bahasa mencerminkan bangsa masing-masing, penghasilan sesuatu karya yang lebih dikenali sebagai sastera juga mencerminkan gaya hidup, adat dan gaya pemikiran sesuatu bangsa. Kita masih kagum dengan penghasilan karya dari setiap penjuru dunia. Setiap karya yang dihasilkan mempunyai keunikan

dan kestrukturannya yang dapat menarik perhatian seluruh dunia. Karya yang dihasilkan juga mempunyai pengaruh yang terbesar pada setiap bangsa di seluruh dunia.

Menurut Sumardjo dan Saini (1988)³, sastra merupakan penulisan manusia yang pribadi menceritakan pengalaman, pemikiran, perasaan, idea, semangat keyakinan dalam suatu bentuk gambaran konkrit yang membangkitkan pesona dengan alat bahasa. Ini dapat menjelaskan bahawa karya sastra merupakan refleksi seorang pengarang yang menyampaikan pandangannya tentang kehidupan yang ada di sekitarnya. Oleh sebab itu, karya sastra lebih dimaksudkan sebagai alat untuk mencerminkan pengalaman, kepercayaan, pemikiran sesuatu bangsa. Setiap karya sastra mempunyai pengaruh masing-masing terhadap struktur dan juga hasil kreativitasnya. Dalam hal ini, karya dari negara Jepun yang lebih dikenali sebagai Haiku, memberi pengaruh dan tarikan yang besar dalam kalangan masyarakat di seluruh negara dari segi struktur dan keindahan bahasa.

Haiku merupakan puisi terpendek di dunia yang lahir di negara Jepun yang hanya terdiri atas 17 suku kata yang terdiri daripada 3 baris yang masing-masing tersusun dari 5, 7 dan 5 suku kata secara berurutan (Patria Restu Indriawan, Nur Hastuti, Zaki Ainul Fadli, 2016)⁴. *Haiku* mula berkembang di Jepun pada pertengahan abad ke-16. *Haiku* dapat menerangkan tentang apa saja yang menceritakan tentang alam dan kehidupan seharian. *Haiku* muncul pada akhir abad ke-19. Sajak-sajak yang terkenal dari Zaman Edo (1600-1868) seperti Basho, Yosa Buson, dan Kobayashi Issa pada mulanya terkenal sebagai *hokku* dan meletakkan dalam konteks sejarah haikai.

Segelintir ahli sasterawan juga menyebut *hokku* sebagai *haiku klasik*, dan *haiku* sebagai *haiku modern*. Biasanya haiku menerangkan tentang keindahan alam dan senario sesuatu perkara dengan kata-kata yang indah. Selain daripada negara Jepun, negara barat juga terpengaruh dengan keindahan puisi Haiku ini dan mula digunakan dalam karya mereka masing-masing. Walaupun mereka menggunakan idea yang iaitu menggunakan Haiku ini untuk menerangkan sesuatu keadaan namun mereka tidak terikat dengan pola sajak 17 suku kata. Ada juga Haiku yang mempunyai perbezaan dari segi bentuk asalnya di negara barat.

Puisi Jepun ini mula berkembang di negara –negara barat dan timur. Keunikan karya ini mula berkembang di seluruh dunia mahupun di negara India melalui penyajak terkenal puisi Tamil moden, Subramaniyar Barathi. Beliau mula memperkenalkan puisi moden ini di Tamil dengan menterjemahkan haiku Jepun dalam bahasa Tamil versi baru yang bertajuk ‘*Jappanea Kavithaigal*’ dalam surat khabar Swadesamitran (The Hindhu, 2017)⁵.

Kehadiran puisi Haiku ini menjadi satu media untuk menyebarkan semangat kemerdekaan kepada masyarakat-masyarakat di negara India dalam puisi tersendiri, bernama Tulipa (The Hindhu, 2017)⁵. Seterusnya, keindahan dan kestrukturannya yang mudah dan pendek amat disokong oleh pertubuhan –pertubuhan sastra tamil pada era pra kemerdekaan memperluaskan penggunaan haiku dengan namanya Haiku di Puduchery. Haiku yang berkait

rapat dengan Zen dan juga alam, telah berkembang dalam bahasa Tamil pada sedikit perbezaan dari segi bentuk dan strukturnya. Gaya bahasa, tujuan dan perasaan sedikit berbeza dengan metrik dan silades haiku Jepun.

Pernyataan masalah

Dalam kalangan masyarakat Tamil di Malaysia masih terdapat kekurangan dalam bilangan penulis haiku. Ini dapat dibukti apabila hanya dua buku sahaja yang diterbitkan oleh seorang penulis di Malaysia dalam bahasa Tamil selama ini. Maka pengkaji mengambil inisiatif untuk mengkaji tentang haiku tamil di Malaysia dan dijadikan pedoman untuk menggalakkan lebih ramai penulis haiku dalam golongan masyarakat Tamil di Malaysia. Dengan kajian ini dapat menggalakkan ramai generasi muda untuk menghasilkan haiku dengan kreativiti tersendiri dan dapat meningkatkan pengetahuan terhadap haiku dalam kalangan masyarakat Tamil di Malaysia.

Objektif kajian

Kajian ini dilakukan berdasarkan satu objektif sahaja. Objektif tersebut ialah untuk mengkaji struktur luaran bahasa yang terkandung dalam Haiku Na.Patchaibalan.

Methodologi kajian


Bagi mencapai objektif kajian ini, kaedah kualitatif dan kaedah kepustakaan telah digunakan. Semasa menjalankan kajian ini, pengkaji telah menggunakan sumber- sumber daripada bahan-bahan bercetak dan juga bahan-bahan elektronik seperti buku-buku rujukan dan juga sumber-sumber daripada internet. Banyak kajian daripada buku-buku berkaitan dengan kajian yang dijalankan ini telah diselidiki oleh penyelidik. Ini bagi mendapatkan lebih banyak sumber maklumat dan informasi tambahan yang boleh dijadikan sebagai bahan input bagi menyempurnakan kajian ini. Bagi tujuan ini, pengkaji mendapatkan sumber-sumber rujukan bercetak seperti buku, jurnal, tesis, kajian kes, disertasi, kerta kerja prosiding dan majalah di beberapa buah perpustakaan.

Bahan bertulis iaitu buku haiku Na. Patchaibalan yang berjudul “*Ilakiya Payanathil Haiku Paadagan*” telah digunakan sebagai sumber untuk mengumpul data daripada kaedah ini. Buku ini ditulis dalam bahasa Tamil sepenuhnya. Edisi pertama buku ini diterbitkan pada tahun 2009 oleh *Semman Publication* di Semenyih, Selangor. Buku ini mengandungi 203 halaman dengan 93 haiku berkenaan pengalaman beliau sepanjang beliau berada di negara India. Buku ini menjadi sumber utama kajian bagi mengumpul data yang bersesuaian dengan tajuk kajian ini.

Kaedah analisis teks (*content analysis*) digunakan untuk menganalisis data kajian iaitu menganalisis dokumen atau data bagi mengetahui isi dan makna yang terkandung di dalam bagi mencapai hasil yang terbaik daripada kajian ini. Seterusnya teori strukturalisme digunakan untuk dianalisis data secara induktif.

Kerangka Teori

Dalam kajian ini, teori strukturalisme dipilih untuk dijadikan sebagai landasan bagi kajian yang dijalankan. Bahagian ini menggunakan landasan teori yang meliputi, Strukturalisme atau Struktur Puisi: Struktur luaran bahasa



Rajah 1 : Kerangka Teori Strukturalisme yang dikaji

Dapatan Kajian

Struktur luaran bahasa yang terkandung dalam haiku Na.Patchaibalan dikaji dari segi bentuk, jenis, suku kata dan penggunaan kata. Haiku-haiku Na.Patchaibalan ditulis dalam bentuk rangkap. Setiap rangkap dalam haiku tersebut mempunyai tiga baris. Penulis tidak menggunakan ayat-ayat yang panjang malah setiap baris ditulis dengan frasa yang mempunyai perkataan yang mudah difahami. Suku kata bagi setiap baris juga tidak terikat dengan pola 17 suku kata iaitu 5-7-5. Malah ia ditulis tanpa terikat kepada format asal haiku dan maknanya ditulis secara terus terang. Aspek – aspek yang telah dikaji dalam Haiku Na.Patchaibalan dalam bab-bab sebelumnya telah dikaji dengan teliti seperti berikut:

Suku kata dan baris

Haiku asal terikat dengan 17 suku kata dalam tiga baris dengan susunan pola 5-7-5. Haiku Na.Patchaibalan tidak mematuhi dengan 17 suku kata dalam tiga baris dengan susunan pola yang berbeza. Haiku – haiku yang ditulis dalam bentuk satu rangkap dan terbatas dalam tiga baris.

Contoh:

Haiku 5 :

Baris 1:	Paraparappaane Chennai	}	8-5-7
Baris 2:	Nagarum nadhi		
Baris 3:	Arugil kudisaigal		

(Na.Patchaibalan, 2009; m/s 21)⁶

Haiku 11 :

Baris 1:	Saalaiyooram thoongum thaai	}	7-3-5
Baris 2:	Arugil		
Baris 3:	Thoongum sirumi		

(Na.Patchaibalan, 2009; m/s 31)⁶

Jenis

Haiku-haiku ini diklasifikasikan sebagai haiku moden kerana haiku ini tidak terikat dengan 17 suku kata. Biasanya haiku Jepun pada asalnya terikat dengan 17 suku kata, dengan susunan baris pertama 5 suku kata, baris kedua 7 suku kata dan baris ketiga 5 suku kata. Haiku Na. Patchaibalan tidak mematuhi pola suku kata tradisional dan polanya bebas mengikut idea dan penggunaan kata yang digunakan dalam haiku Tamil. Jadi pola suku kata yang tidak terikat secara tradisional dan bebas mengklasifikasikan haikunya sebagai haiku moden.

Contoh:

Haiku 20 :

Baris 1:	Saaliyore maanavigal	→	B1-8	}	tidak terikat dengan 17 suku kata (Haiku asal Jepun)
Baris 2:	Mannil pathiyum	→	B2-5		
Baris 3:	Verungkaalgal	→	B3-4		

(Na.Patchaibalan, 2009; m/s 66)⁶

Penggunaan/pemilihan kata

Pemilihan kata dalam setiap haiku memberi maksud secara terus terang. Dalam haiku-haiku Na.Patchaibalan tidak dapat lihat pemilihan kata yang mempunyai kata-kata lambang atau simbol untuk melambangkan makna sesuatu idea. Kesemu haiku beliau tidak mempunyai rima yang sama pada kata penghujung baris.

Contoh:

Haiku 13 :

Baris 1:	Kanaadi peezhai	}	penggunaan frasa
Baris 2:	Maunamaai		tidak mempunyai rima yang sama
Baris 3:	M.S.Subulakshmi		tidak menggunakan lambang/symbol

(Na.Patchaibalan, 2009; m/s 43)⁶

Data keseluruhan ke atas struktur luaran bahasa Haiku Na.Patchaibalan.telah dijadualkan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Data keseluruhan ke atas struktur luaran bahasa Haiku Na.Patchaibalan

Haiku yang dinilai	Kesemua 93 Haiku Na.Patchaibalan daripada buku yang berjudul “ <i>Ilakiya Payanathil Haiku Paadagan</i> ”	
Data yang dikumpul	Bentuk	Setiap haiku Na.Patchaibalan yang telah dikaji ditulis dalam satu rangkap kecil. Idea yang digunakannya terbatas dalam tiga baris
	jenis	Jenis haiku moden
	suku kata	Tidak terikat dengan 17 suku kata iaitu pola asal Jepun 5-7-5
	penggunaan kata	Kata-kata memberi maksud secara terus terang. Tidak ada simbol atau lambang yang digunakan untuk melambangkan sesuatu benda. Kata- kata yang digunakan juga tidak mempunyai rima yang sama pada kata penghujung baris.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pengkaji menghuraikan secara terperinci kajian ke atas 93 haiku berdasarkan kaedah analisis teks daripada buku *Ilakkiya Payanathil Haiku Paadagan* karya Na.Patchaibalan. Kajian ke atas 93 haiku ini berdasarkan objektif kajian iaitu menganalisis struktur luaran bahasa yang terdapat dalam haiku Na.Patchaibalan.

Daripada perbincangan ini, pengkaji dapati bahawa haiku memiliki bentuk rangkap yang mempunyai ayat – ayat pendek dan tidak semestinya terikat dengan 17 suku kata iaitu pola asal haiku. Seterusnya, haiku merupakan puisi moden yang memberi makna secara terus terang. Hal ini memudahkan seseorang penulis untuk menggambarkan situasi yang dialaminya dalam perkataan yang mudah difahami oleh seseorang pembaca.

Rujukan :

1. *Dewan Bahasa dan Pustaka Dictionary*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Chomsky. (1968). *Language and mind*. New York: Harcourt Brace Jonanovic Corballis.
3. Sumardjo Saini, K. M. (1988). *Literature appreciation (Apresiasi kesusasteraan)*. Jakarta: PT Gramedia
4. Patria Restu Indriawan., Nur Hastuti., & Zaki Ainul Fadli. (2016). Haiku based on Winter Season in Japanese Art Poetry Book – A Semiotic Research (Haiku bertemakan musim dingin dalam buku Japanese Art Poetry - sebuah kajian semiotic). *Journal Japanese Literature*, 2(1), 1-10.
5. The Hindu (2017). *100 years of haiku in Tamil*, downloaded from <https://www.thehindu.com/news/national/tamil-nadu/100-years-of-haiku-in-tamil/article17321330.ece>
6. Patchaibalan, N. (2009). *Illakiya payanathil Haiku paadagan*. Selangor: Semman Publication.

Citation in Malay

K. Demaisuria, K., & Muniisvaran. K. (2019). Analisis struktur luaran bahasa ke atas haiku Na.Patchaibalan. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 3(3), 371-378. <https://doi.org/10.33306/mjssh/28>

Citation

K. Demaisuria, K., & Muniisvaran. K. (2019). Analyse physical structure on haiku Na.Patchaibalan. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 3(3), 371-378. <https://doi.org/10.33306/mjssh/28>